

01 DEC 1999

Chen-Letak Jawatan

DR CHEN LETAK JAWATAN PENGERUSI DAP ESOK

SEREMBAN, 1 Dis (Bernama) -- Pengerusi DAP kebangsaan Dr Chen Man Hin yang memegang jawatan itu sejak parti itu diluluskan pendaftarannya pada 1965, hari ini mengumumkan beliau akan meletakkan jawatannya itu berkuatkuasa esok ekoran kekalahan teruk DAP pada pilihan raya umum ke-10, Isnin lepas.

Katanya beliau akan mengemukakan surat peletakan jawatannya itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi Pusat (CC) parti di ibu pejabat DAP di Petaling Jaya, esok.

"Saya mesti bertanggungjawab dan oleh itu mengambil langkah untuk meletak jawatan.

"DAP alami kekalahan yang sangat teruk...saya rasa saya mesti berundur untuk memberi peluang kepada pemimpin muda. Diharap mereka boleh mengatasi masalah ini (kekalahan)," katanya kepada pemberita di sini.

Dr Chen, 75, sendiri tewas di dua kerusi yang ditandinginya. Bagi kerusi Parlimen Rasah beliau memperoleh 27,437 undi tewas dengan manjoriti 1,288 undi kepada calon Barisan Nasional (BN) Datuk Goh Siew Huat yang mendapat 28,725 undi.

Untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Temiang pula Dr Chen tewas majoriti kecil 176 undi. Beliau mendapat 6,291 undi manakala calon BN Lee Yuen Fong memperoleh 6,467 undi. Lee merupakan anggota DAP yang memenangi kerusi DUN Temiang pada pilihan raya umum 1995 tetapi tidak lama selepas itu menyertai MCA.

Ketika ditanya sama ada keputusannya meletak jawatan itu muktamad kerana kemungkinan Majlis Tertinggi Pusat DAP akan memujuk atau menolak peletakan jawatannya itu, Dr Chen berkata sukar baginya untuk mengubahnya semula.

"Saya berharap majlis akan menerima peletakan jawatan saya," katanya.

Ditanya sama ada faktor usia juga menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk meletak jawatan, katanya, ia bukan merupakan sebab utama kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pun boleh melaksanakan tugas walaupun telah berusia lebih 70 tahun.

Katanya beliau hanya akan meletak jawatan pengerusi DAP kebangsaan dan masih merupakan pengerusi DAP cawangan Seremban yang dipegangnya sejak 1966.

"Meskipun selepas meletak jawatan nanti, saya masih boleh memberi sumbangan kepada parti, tetapi saya akan mempunyai lebih banyak masa untuk menumpukan kepada hal-hal lain seperti keluarga dan klinik," kata beliau yang membuka klinik bernama "Klinik Chen" di sini sejak 1956. Sebelum itu beliau bertugas di Hospital Seremban dari 1953.

Ditanya sama ada beliau berunding dengan pemimpin-pemimpin DAP pusat terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk meletakkan jawatan pengerusi DAP kebangsaan, katanya, tidak ada kecuali dengan beberapa orang yang terdekat sahaja.

Katanya, beliau juga tidak berbincang mengenainya dengan pengerusi DAP Negeri Sembilan Wong Yauk @ Wong Zee Nyok.

Beliau berkata kekalahan teruk DAP yang hanya memenangi 10 kerusi Parlimen dan sembilan kerusi DUN adalah kerana rakyat terutamanya masyarakat Cina tidak bersetuju DAP bekerjasama dengan PAS, dalam pakatan yang turut melibatkan Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Katanya walaupun dalam manifesto pakatan parti pembangkang tidak menyebut tentang penubuhan negara Islam tetapi Pas dalam ceramahnya

membangkitkan tentang hasrat menubuhkan negara Islam dan hukum hudud, yang telah menakutkan masyarakat Cina.

Barisan Nasional terutamanya MCA, menggunakan isu ini dan masyarakat Cina telah terperangkap, katanya, dengan menyatakan bahawa sokongan masyarakat Cina kepada DAP menurun kepada 40 peratus daripada antara 60 dan 70 peratus sebelumnya.

Mesyuarat Majlis Tertinggi Pusat parti itu esok akan membuat "post mortem" mengenai prestasi DAP, katanya.

Ketika ditanya sama ada kerjasama DAP dengan Pas serta Keadilan dan PRM akan diteruskan, beliau berkata ia akan juga dibincangkan esok.

Secara peribadi, katanya, beliau berpendapat kerjasama itu mesti diteruskan tetapi Pas mesti menukar sikap dengan tidak lagi membangkitkan tentang penubuhan negara Islam.

"Saat paling kecewa dalam politik saya ialah kekalahan teruk DAP pada pilihan raya umum ke-10 ini dan yang paling menggembirakan ialah ketika DAP memenangi banyak kerusi pada pilihan raya umum 1969, 1986 dan 1990," katanya.

Mengenai kekalahan tipisnya di DUN Temiang, katanya, beliau mungkin akan mengemukakan petisyen selepas keputusan pilihan raya diwartakan.

-- BERNAMA

AZ RI